



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JANUARY 2017

## Penyokong Dr. Mahathir tiada prinsip

Um - 17/1/2017

**KUALA LUMPUR 16 Jan.** - Sikap penyokong Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyokong membuta tuli tanpa sebarang pertimbangan terhadap segala tindakan bekas Perdana Menteri itu diselar kerana mereka sanggup menggadaikan prinsip perjuangan yang dipegang selama ini.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Pahang, Mohd. Shahar Abdullah berkata, sikap sedemikian menunjukkan yang penyokong Dr. Mahathir tiada hala tuju dalam politik.

“Jika sebelum ini Dr. Mahathir mengatakan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah rasuah, mereka menyokong dengan begitu hebat sekali sambil mencaci kerajaan.

“Kini apabila Dr. Mahathir mengatakan akan teruskan ‘rasuah’ itu, penyokongnya masih lagi menyokong apa yang dikatakannya sedangkan perkara yang dibuat kerajaan semua dibantah,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.